



## **KENYATAAN MEDIA MENTERI KANAN PERTAHANAN**

**8 JUN 2021**

### **MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) & PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**

Hari ini saya telah melawat Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Kem Perdana Sungai Besi yang menjadi perintis kepada pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Setelah melihat pelaksanaan program vaksinasi pandu lalu ini, saya percaya program di bawah kendalian Tentera Darat Malaysia ini akan mencapai objektif dan sasaran yang ditetapkan.

Dengan kemampuan yang tinggi untuk meningkatkan jumlah penerima vaksin, Kementerian Pertahanan akan memohon lebih banyak jumlah vaksin untuk warga tentera, keluarga dan kakitangan awam yang bertugas di kementerian tersebut.

Kementerian Pertahanan (MINDEF) akan terus komited bagi memastikan keseluruhan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM), keluarga mereka dan juga kakitangan awam Kementerian Pertahanan akan menerima suntikan vaksin ini memandangkan risiko penugasan mereka sebagai barisan hadapan yang sangat terdedah kepada penularan wabak pandemik ini.

Selain itu, ATM menawarkan bantuan kemudahan logistik kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi penghantaran vaksin COVID-19 ke kawasan pedalaman di seluruh negara, terutama di Sabah dan Sarawak.

ATM akan menggunakan fasiliti yang sedia ada seperti trak, bot dan helikopter ke kawasan yang disasarkan.

### **PKPD Kampung Kebayau, Kota Belud, Sabah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Kebayau, Kota Belud, Sabah.

Sehingga 8 Jun 2021, sebanyak 11 kes positif telah direkodkan selepas 16 individu disaring oleh KKM dengan kadar positifiti 68.75%.

KKM juga mendapati kes masih menular dan kadar kebolehjangkitan yang ditinggi di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Kebayau, Kota Belud, Sabah berkuat kuasa 10 Jun sehingga 23 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan ini.

### **PKPD Kampung Batu Layar, Pulau Banggi, Kudat, Sabah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Batu Layar, Pulau Banggi, Kudat, Sabah.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 11 saringan dan tujuh (7) daripadanya disahkan positif COVID-19 dengan kadar positifiti direkodkan ialah 63.64%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Batu Layar, Pulau Banggi, Kudat, Sabah berkuat kuasa 10 Jun sehingga 23 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

### **PKPD Taman Wawasan, Beaufort, Sabah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Taman Wawasan, Beaufort, Sabah.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 37 saringan dan 23 daripadanya disahkan positif COVID-19 dengan kadar positifiti direkodkan ialah 62.16%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Wawasan, Beaufort, Sabah berkuat kuasa 10 Jun sehingga 23 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini bertujuan menjalankan pengesanan awal kes supaya dapat diasingkan secepat mungkin.

## **PKPD Kampung Sungai Penchala, Kuala Lumpur**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan perkembangan semasa kes COVID-19 di Kampung Sungai Penchala, Kuala Lumpur.

Sehingga 8 Jun 2021, sebanyak 65 kes kes positif COVID-19 telah dilaporkan dan KKM mendapati berlaku peningkatan ketara dalam tempoh dua minggu di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Sungai Penchala, Kuala Lumpur berkuat kuasa 10 Jun sehingga 23 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD bertujuan memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan serta memudahkan KKM membuat pengesanan awal kes supaya dapat diasingkan secepat mungkin.

## **PKPD 3 lokaliti di Sentosa, Sandakan, Sabah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan perkembangan semasa kes COVID-19 di tiga (3) lokaliti di Sentosa, Sandakan, Sabah yang melibatkan:

- Kampung Sungai Obar, Batu 7
- Fasa 9B, Taman Indah Jaya
- Flat Indah Jaya

Sehingga kini, sebanyak 10 kes dilaporkan di Kampung Sungai Obar, Batu 7 hasil saringan ke atas 27 penduduk manakala di Fasa 9B, Taman Indah Jaya dan Flat Indah Jaya, 30 kes positif direkodkan selepas 112 penduduk menjalani ujian saringan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di tiga lokaliti seperti dinyatakan berkuat kuasa 10 Jun sehingga 23 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini memudahkan KKM membuat pengesanan awal kes supaya dapat diasingkan secepat mungkin.

### **PKPD Kampung Likas, Kota Kinabalu, Sabah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi terkini COVID-19 di Kampung Likas, Kota Kinabalu, Sabah.

Ketika ini, KKM mendapati berlaku peningkatan kes yang amat ketara dalam tempoh singkat apabila sebanyak 22 kes positif telah direkodkan di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Likas, Kota Kinabalu, Sabah berkuat kuasa 10 Jun sehingga 23 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD bertujuan memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan.

**SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di [www.mkn.gov.my](http://www.mkn.gov.my)**

### **Pelanjutan PKPD Ladang FGV Kalabakan Selatan, Kalabakan, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Ladang FGV Kalabakan Selatan, Kalabakan, Sabah yang dijadualkan tamat pada 8 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, KKM telah melakukan 490 ujian saringan dan 56 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mendapati masih berlaku penularan serta terdapat kes baharu dilaporkan dalam kalangan penduduk di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melanjutkan PKPD di Ladang FGV Kalabakan Selatan, Kalabakan, Sabah bermula 9 Jun sehingga 22 Jun 2021.

### **Pelanjutan PKPD Felda Redong 1, Mukim Labis, Segamat, Johor**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Felda Redong 1, Mukim Labis, Segamat, Johor yang dijadualkan tamat pada 9 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 2,661 ujian saringan dan 209 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM mendapati masih berlaku penularan dalam kalangan penduduk di lokaliti itu serta kes baru masih direkodkan selain terdapat juga 18 lagi sampel ujian saringan masih menunggu keputusan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melanjutkan PKPD di Felda Redong 1, Mukim Labis, Segamat, Johor bermula 10 Jun sehingga 23 Jun 2021.

### **Penamatan PKPD 3 lokaliti di Tanjung Manis, Mukah, Sarawak**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di tiga (3) lokaliti dalam daerah Tanjung Manis, Mukah, Sarawak yang dijadualkan tamat pada 9 Jun 2021.

Ketiga-tiga lokaliti tersebut ialah:

- Rumah Panjang Isa anak Blone
- Rumah Panjang Ben anak Kuleng
- Sekolah Kebangsaan (SK) Telok Gelam

Sehingga kini, KKM telah melakukan 145 saringan di ketiga-tiga lokaliti tersebut dan 30 daripadanya didapati positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan kes telah menurun dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di ketiga-tiga lokaliti yang dinyatakan pada 9 Jun 2021 (11.59 malam) seperti yang dijadualkan.

### **Penamatan PKPD 2 lokaliti dalam daerah Tawau, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti dalam daerah Tawau, Sabah yang dijadualkan tamat pada 10 Jun 2021.

Lokali tersebut ialah:

- Kampung Sungai Pukul, Pulau Sebatik
- Taman Desa Runggu

KKM telah melakukan 229 saringan di Kampung Sungai Pukul, Pulau Sebatik dan 23 daripada dilaporkan positif COVID-19 manakala di Taman Desa Runggu, sebanyak 222 saringan dibuat dan 23 kes positif telah dilaporkan di lokaliti ini.

KKM mendapati kes telah menurun dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di dua lokaliti seperti dinyatakan pada 8 Jun 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan.

### **Penamatan PKPD Kepulauan Tumpat, Mukim Sungai Pinang, Tumpat, Kelantan**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kepulauan Tumpat, Mukim Sungai Pinang, Tumpat, Kelantan yang dijadualkan tamat pada 18 Jun 2021.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 1,462 saringan dan 278 daripada dilaporkan positif COVID-19.

KKM mendapati kes telah menurun dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kepulauan Tumpat, Mukim Sungai Pinang, Tumpat, Kelantan pada 9 Jun 2021 (11.59 malam) lebih awal daripada yang dijadualkan.



## **Task Force Operasi Pematuhan**

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 87,892 pemeriksaan semalam.

Ia melibatkan 4,562 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 19,588 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 970 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 917 individu dikompaun, 49 direman manakala empat (4) lagi dijamin.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Tiada penjarakan fizikal (265)
- Tidak memakai pelitup muka (203)
- Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran/makan di premis (133)
- Gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (120)
- Tidak patuh arahan kawalan pergerakan (117)
- Membawa penumpang berlebihan (111)
- Lain-lain (21)

## **Kawalan Sempadan Negara**

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap 21 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan merampas lima (5) buah kenderaan darat.

Sebanyak 242 buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui sembilan (9) aktiviti penglihatan.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 964 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA)	- 912 SJR
Op BENTENG PDRM	- 43 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

## **Operasi Sanitasi Awam**

Semalam, sebanyak 90 operasi sanitasi meliputi 57 zon merah, zon jingga (1) dan zon kuning (4) telah dilaksanakan di seluruh negara.

Operasi sanitasi ini melibatkan 544 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 205 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 88 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 26,828 operasi sanitasi merangkumi 156 zon dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.

## **Kuarantin Wajib**

Semalam, seramai 380 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 221,234 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 72 hotel dan 11 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 8,932 individu telah dikuarantin dan 209,754 orang dibenarkan pulang manakala 2,548 lagi dibawa ke hospital.

## **Barang Keperluan Asas**

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 751 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barangan terdiri daripada peruncit (574), pemborong (147) dan pengilang (30).

KPDNHEP juga telah melakukan 2,089 pemeriksaan khas dan daripada jumlah itu, 2,062 premis mematuhi SOP manakala 27 lagi dikompaun.

## **Saringan Wajib Pekerja Warga Asing**

Semalam, seramai 21 warga asing telah menjalani ujian saringan dan enam (6) kes positif COVID-19 telah direkodkan.

Secara kumulatifnya, Kementerian Sumber Manusia (KSM) memaklumkan seramai 698,491 pekerja warga asing telah menjalani ujian saringan COVID-19 yang melibatkan 36,177 majikan.

Daripada jumlah itu, seramai 10,339 orang telah disahkan positif COVID-19 manakala 688,152 lagi adalah negatif. Sehingga kini, sebanyak 1,544 buah klinik telah terlibat dengan program saringan ini.

Seperti yang telah diumumkan, ujian saringan COVID-19 adalah diwajibkan kepada semua pekerja warga asing mulai 1 Februari 2021.

**Amalkan “Lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri. Terima kasih.**

**YB DATO' SERI ISMAIL SABRI YAAKOB  
MENTERI KANAN PERTAHANAN**